

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI HJ. MOHAMED APANDI ALI
PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-15

KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI

JABATAN PEGUAM NEGARA

TARIKH : 19 APRIL 2018 (KHAMIS)

MASA : 3.00 PETANG

TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSUF

JABATAN PEGUAM NEGARA

PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Mulia Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek,
Peguam Cara Negara;

Yang Berbahagia Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan,
Peguam Cara Negara II;

YBrs. Dr Arik Sanusi Yeop Johari,
Ketua Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang
merangkap Yang DiPertua Kelab Kebajikan dan Rekreasi
Jabatan Peguam Negara;

Ketua-ketua Bahagian dan Ahli-Ahli Majlis Pakar Pelbagai
Disiplin;

Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kelab Kebajikan dan Rekreasi Jabatan Peguam Negara;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita mengatur syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana atas limpah dan kurnianya maka dapat kita bersama-sama berkumpul di dewan yang mulia ini bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-15 Kelab Kebajikan dan Rekreasi Jabatan Peguam Negara (AGC).

2. Sesungguhnya saya berasa amat gembira atas komitmen dan sokongan yang telah ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC pada hari ini, disebalik kesibukan

tugasan rasmi masing-masing. Berdasarkan pemerhatian saya, dewan pada hari ini dipenuhi dengan warga AGC sehingga ada yang tiada tempat duduk. Ini merupakan satu sambutan yang menggembirakan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Saya tidak berniat untuk berucap panjang. Namun, izinkan saya untuk berkongsi satu cerita. Baru-baru ini semasa saya melayari media sosial di internet, saya ada melihat suatu video yang tular mengenai peristiwa yang berlaku semasa larian yang dipangguk Standard Chartered KL Marathon 2018 yang telah diadakan pada 8 April yang lalu. Dalam marathon tersebut, saya difahamkan bahawa ia telah disertai oleh lebih kurang tiga puluh lapan ribu peserta (38,000) dari seluruh pelusuk negara. *I am sure some of you in this hall is an avid runner who knew about it or participated in this event.*

4. Anyway, apa yang menarik perhatian saya ialah kejadian yang telah dirakamkan di kira-kira beberapa meter sahaja daripada garisan penamat. Pada ketika itu, hanya tinggal beberapa minit sahaja daripada tempoh masa yang ditetapkan untuk peserta menamatkan larian marathon mereka sejauh 42 kilometer. *If you cannot imagine how long 42 kilometres is, let me tell you, it is a distance equivalent to from AGC to PWTC, if not further.* Jadi sudah pastinya, ada dalam kalangan beberapa peserta yang telah terlalu penat dan kemudiannya terjatuh walaupun hanya beberapa meter daripada garisan penamat.

5. Pada ketika itu, kelihatan beberapa peserta lain (sama ada dalam kalangan *runner* ataupun *pacer*) yang memberikan kata-kata semangat dan dorongan untuk semua peserta menghabiskan larian. Apa yang menyentuh perasaan saya ialah ada juga yang sanggup mengangkat dan memimpin pelari-pelari yang terjatuh akibat keletihan tadi sehingga kedua-duanya sampai ke garisan penamat, walaupun ia mungkin

akan melengahkan catitan masa mereka sendiri. Iktibar yang saya dapat dari peristiwa ini ialah, *they are strangers to each other* tetapi semangat untuk menolong satu sama lain untuk mencapai matlamat yang sama, iaitu untuk ke garisan penamat itulah yang menyentuh hati saya.

6. Inilah yang ingin saya kongsikan sebagai teladan dengan semua ahli Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.” Selaku penaung Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC, saya melihat Kelab ini sebagai suatu wadah terbaik untuk menyatupadukan semua warga AGC yang terdiri daripada pelbagai gred dan kepakaran. Namun, pada hemat saya, perpaduan yang kukuh tidak akan dapat dicapai tanpa ia disulami dengan semangat setia kawan “*esprit de corps*” yang

sebenar dan sikap saling membantu sesama kita, tanpa mengira sempadan bahagian mahupun pangkat.

8. Sebagaimana kisah peserta marathon yang telah saya kongsikan sebentar tadi, dorongan serta membantu sesama mereka, seluruh warga AGC juga perlulah mempunyai sifat dan semangat yang sama. *We have to develop a strong “AGC camaraderie” that binds us all together.*

9. Persoalannya, bagaimana kita hendak membentuk a *strong AGC camaraderie* ini? Jawapannya ialah melalui interaksi dalam aktiviti-aktiviti anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi AGC.

10. Atas sebab inilah, saya secara peribadi sentiasa memberikan sokongan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh Kelab dan sering mengingatkan Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Saya sedar, kesibukan tugas dan juga urusan

peribadi kadang-kala merencatkan penglibatan kita di dalam aktiviti berpersatuhan di AGC ini. Namun, sebagaimana yang pernah disebut oleh Lao Tzu, seorang pujangga cina bahawa - *“Time is a created thing. To say 'I don't have time,' is like saying, 'I don't want to.”* Oleh itu, pesan saya – carilah masa kerana masa tidak akan pernah mencari kita. *Time waits for nobody.*

11. Dengan adanya sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada semua ahli Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC, Insyallah, saya pasti Kelab ini bukan sahaja menjadi sebuah kelab yang melaksanakan aktiviti sosial semata-mata, sebaliknya ia mampu menjadi suatu kelab yang dihormati dan disegani dan berupaya menjadi medium penyatuan seluruh warga AGC.

12. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha Dr Arik Sanusi Yeop Johari, Yang

Dipertua Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC, serta seluruh ahli Jawatankuasa Kelab yang telah berjaya menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi sepanjang tahun yang lalu. Semoga kecemerlangan ini diteruskan dalam mengemudi kelab ini pada tahun yang mendatang.

13. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-15 Kelab Kebajikan dan Rekreasi AGC.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.